

Nikmati bantuan kerajaan dengan daftar syarikat

BAU: Jangan salah faham tujuan pendaftaran perniagaan, demikian jelas Menteri Muda Perdagangan Antarabangsa, Industri Terminal Dan Pembangunan Usahawan, Datuk Mohd Naroden Majais.

Katanya, pendaftaran yang dibuat bagi memudahkan urusan permohonan geran yang mampu memanfaatkan para usahawan untuk mengembangkan perniagaan.

“Adik kakak kita yang bakal usahawan harus faham kenapa mendaftar amat penting bagi mereka..banyak orang salah faham mendaftar syarikat ini akan dikenakan cukai..ia adalah satu persepsi yang salah.

“Jika kita ada syarikat, kita mampu membesarakan syarikat tersebut, malah memohon pinjaman dan bantuan serta geran juga dapat.

“Secara tidak langsung kita dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, selain dari segi menyediakan peluang pekerjaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Program Jum Regista Bisnes Sarawakku Sayang di KAMPUNG KROKONG, Bau pada Rabu.

Mengambil contoh kawasan Serikin, lokasi tersebut sinonim dan popular dalam kalangan pengunjung dari semenanjung Malaysia.

Malah, kedudukan lokasinya yang bersebelahan dengan sempadan Indonesia juga memberikan kelebihan kepada para peniaga menerusi perniagaan antara negara.

Peluang tersebut harus diambil sebagai langkah baharu untuk mengembangkan perniagaan meskipun bermula secara kecil-kecilan.

Setakat ini beliau mendedahkan terdapat kira-kira 80,000 usahawan sudah mendaftar syarikat di seluruh negeri Sarawak.

“Semua yang dah berdaftar di sarawak tidak kurang daripada 80,000 usahawan, manakala 40,000 lagi masih belum berdaftar, ia berdasarkan data yang diperolehi daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta **Jabatan Perangkaan Malaysia** Negeri Sarawak pada 2019,” katanya.

Syarikat yang berdaftar jelasnya, dapat menikmati sebarang bentuk bantuan yang disediakan oleh kerajaan sekali gus memberi ruang kepada para usahawan untuk mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi.

<https://sarawakvoice.com/2021/12/01/nikmati-bantuan-kerajaan-dengan-daftar-syarikat/>